



LAMPIRAN 2 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10 TARIKH: 9 OGOS 2019 (JUMAAT)

LIMA LOKASI BERKEMUNGKINAN PEMBUANGAN SISA



'Dapatkan pandangan penduduk terlebih dahulu'

KAWASAN kilang pemrosesan nadir bumi Lynas di Kawasan Perindustrian Gebeng.



Kuantan: Kajian yang mendalam serta reaksi penduduk tempatan perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat untuk memindahkan tapak fasiliti pelupusan kekal (PDF) ke kawasan baharu bagi menguruskan sisa buangan Water Leached Purification (WLP) yang dikeluarkan Lynas (Malaysia) Sdn Bhd. Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Padang Tengku, Datuk Mustapa

Long berkata, ini kerana perkara itu menjadi satu isu besar menyebabkan banyak pihak terutama Lynas, kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. "Jika benar terdapat ura-ura untuk pindahkan PDF keluar dari Kuantan ke kawasan kombong yang tidak lagi digunakan, kita perlu lihat kepada banyak perkara seperti status tanah, tanah itu siapa? Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang juga

akan memainkan peranan. Kena selesaikan dengan banyak pihak dan perlu ada kajian yang mendalam kerana perkara ini sudah jadi isu," katanya ketika dihubungi, semalam. Beliau mengulas dakwaan mengenai lima kawasan PDF baharu yang sudah dikenal pasti di negeri ini untuk dijadikan kawasan baharu bagi menempatkan sisa WLP yang kini ditempatkan di kilang Lynas di Gebeng, Kuantan.

Lima kawasan itu masing-masing di Lepar, Luit, Padang Tengku, Bukit Iban dan Chini. Mustapa berkata, beliau juga baru mengetahui dakwaan itu dan menyuarakan kekusaran mengenai selain pandangan masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negerinya. "Mesti orang Padang Tengku akan tanya, kenapa hendak buang di sini? Takkan tiada tempat yang

sesuai di Kuantan? Perkara ini sudah tentu akan dipersoalkan," katanya. Sementara itu, Adun Chini Datuk Seri Abu Bakar Harun berkata, ada perkara positif dan negatif sekiranya PDF baharu dibuka di Chini. "Katanya, bagi sudut positif, ia akan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan dan ekonomi setempat akan berkembang pesat jika ia direalisasikan.

Bacaan radiasi tak tunjuk peningkatan

Kuantan: "Saya sendiri antara orang yang menentang kehadiran Lynas dari sebelum kilang itu dibina kerana saya adalah penduduk paling hampir dengan kilang terbabit. "Namun, apabila melihat bacaan radiasi di kawasan itu tidak menunjukkan peningkatan dan implikasi negatif kepada alam sekitar sejak ia mula beroperasi tujuh tahun lalu, saya terfikir mungkin selama ini saya tersilap menilai," kata Ahli Dewan Undangan Negeri Besarah, Andansura Rabu. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri ceramah perdana dan solat hajat anjuran Lynas dengan kerjasama Masjid Negeri Sultan Ahmad I yang dihadiri ribuan jemaah, kelmarin.



Katanya, sudah tiba masanya semua pihak yang sudah berlarutan sejak sekian lama sehingga menimbulkan pelbagai polemik. Menurutny, sejak Lynas (Malaysia) Sdn Bhd mula

menyatakan kerisauan dan penentangannya terhadap Lynas sebelum ini adalah berpandukan kejadian pencemaran radioaktif di Bukit Merah, Perak dan pastinya tidak mahu mendedahkan penduduk di bandar ini terhadap risiko yang sama. "Selepas kilang berkenaan dibenarkan beroperasi, khabar angin dan kerisauan itu nyata meleset sama sekali. Saya berpendapat kita sudah membuat persepsi yang salah selama ini. "Justeru, saya berharap mereka yang menentang akan sama-sama buangkan ego atau kepentingan politik kerana Lynas sama seperti kilang lain di Gebeng, tiada yang berbeza," katanya.

Apabila melihat bacaan radiasi di kawasan itu tidak menunjukkan peningkatan dan implikasi negatif kepada alam sekitar sejak ia mula beroperasi tujuh tahun lalu, saya terfikir mungkin selama ini saya tersilap menilai"
Andansura Rabu beroperasi pada 2012, pakar dalam pelbagai bidang termasuk sains, kesihatan dan alam sekitar secara konsisten menyatakan kilang berkenaan beroperasi dengan baik dan mematuhi undang-undang. Andansura berkata, beliau

Fukuoka (Jepun)

Tak boleh 'halau' lepas jemput

Malaysia tidak boleh 'menghalau' Lynas selepas menjemput syarikat perlombongan nadir bumi itu melabur di negara ini bila buat masalah dia halau pelabur, tak boleh macam tu," katanya kepada wartawan Malaysia ketika mengakhiri lawatan kerja dua harinya ke Fukuoka, semalam. Dr Mahathir berkata, pelabur asing sedang memerhatikan tindakan kerajaan terhadap Lynas. "Kalau kita halau pelabur asing Lynas ini, yang lain (pelabur asing) tak akan datang (Malaysia). Sebab ada yang kita tak sukai...maka kita suruh dia (pelabur) keluar. Siapa (pelabur) nak datang, mereka perlukan kepastian," katanya.

"Kita yang panggil (datang melabur) lepas tu kita halau dia keluar. Orang lain kata negara buat janji, bila buat masalah dia halau pelabur, tak boleh macam tu," katanya kepada wartawan Malaysia ketika mengakhiri lawatan kerja dua harinya ke Fukuoka, semalam. Dr Mahathir berkata, pelabur asing sedang memerhatikan tindakan kerajaan terhadap Lynas. "Kalau kita halau pelabur asing Lynas ini, yang lain (pelabur asing) tak akan datang (Malaysia). Sebab ada yang kita tak sukai...maka kita suruh dia (pelabur) keluar. Siapa (pelabur) nak datang, mereka perlukan kepastian," katanya.

LAMPIRAN 2 (samb)
 HARIAN METRO (SETEMPAT):
 MUKA SURAT 10 TARIKH: 9 OGOS
 2019 (JUMAAT)

5 tapak pindah sisa buangan WLP

■ Kawasan bekas lombong emas, bijih besi jadi tapak fasiliti pelupusan kekal



ISU LYNAS
 Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
 azimfitri@hmetro.com.my

Kuantan
 S ekurang-kurangnya lima kawasan sudah dikenal pasti untuk menjadi tapak fasiliti pelupusan kekal (PDF) baru bagi memindahkan sisa buangan Water Leached Purification (WLP) di negeri ini.
 Sumber memaklumkan lima kawasan itu terletak di kawasan bekas lombong emas dan bijih besi masing-masing di Lepar, Luit, Padang Tengku, Bukit Iban dan Chini.

Katanya, semua kawasan sudah dikenal pasti dan dikaji mengenai impak kepada penduduk, alam sekitar serta kesan sosial sebelum dimuktamadkan.
 "Kawasan ini menjadi potensi tinggi untuk dipilih sebagai lokasi PDF baharu memandangkan ia kawasan bekas lombong yang tidak lagi dibangunkan dengan apa-apa projek perindustrian atau pembangunan."
 "Dalam peringkat kajian dan jika sesuai maka akan dimuktamadkan kelak," katanya.
 Mengikut perjanjian, Lynas (Malaysia) Sdn Bhd perlu membersihkan sisa buangan yang ada sebelum September depan seperti ditetapkan kerajaan sebagai syarat pembaharuan lesen operasi.
 Jika gagal, syarikat nadir bumi itu perlu menghentikan sementara operasi pengeluaran sisa buangan hingga mereka mempunyai

kawasan PDF memindahkan sisa buangan WLP.
 Harian Metro sebelum ini melaporkan gesaan Pengerusi Jawatankuasa Kaukus Parlimen Pantau Lynas (JKPPL) Wong Tack yang menyarankan kerajaan perlu lebih tegas meminta Lynas menghantar sisa buangan nadir bumi di Gebeng, Pahang ke Australia.
 Katanya, tindakan itu perlu memandangkan syarat hantar semula sisa WLP sudah termaktub dalam perjanjian ditandatangani pada 2012.
 Pengarah Urusan dan Naib Presiden Lynas Datuk Mashal Ahmad pula berkata, pihaknya bersama pemegang taruh lain bersedia mematuhi sebarang syarat ditetapkan kerajaan termasuk berkaitan PDF baharu yang diperlukan.
 Sebelum itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Fuziah Salleh menyifatkan tindakan

kerajaan terdahulu membenarkan kilang Lynas beroperasi di negara ini adalah kerana dipercayai dan ditipu kerana menyangkakan ia satu industri yang strategik.
 Fuziah dilaporkan berkata, sejak Lynas mula beroperasi pada 2012, lebih satu juta tan metrik sisa terjadual dan 500,000 tan metrik WLP disimpan di Gebeng yang bukan struktur penyimpanan kekal.
 Sementara itu, difahamkan satu kumpulan pakar terdiri daripada penyelidik universiti serta Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia terlibat dalam melakukan kajian mengenai lima kawasan berkenaan secara lebih terperinci sebelum hasil kajian dibentangkan kepada Lynas, kerajaan negeri serta Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

